



اونیورسیتی تیکنولوجی برونی
UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI



KUMPULAN TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL
KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

CANSELOR UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI

SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI

2013 - 2022



KUMPULAN TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM
SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL
KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DIMAJLIS KONVOKESYEN
UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI**

2013 - 2022



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Canselor Universiti Teknologi Brunei**



KUMPULAN TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM
SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL
KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DIMAJLIS KONVOKESYEN
UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI**

2013 - 2022

**Disusun oleh
Hajah Dayang Rohana binti Haji Awang Abd Hamid**

**Diterbitkan oleh
Perpustakaan Universiti Teknologi Brunei
Negara Brunei Darussalam**





Diterbitkan oleh Perpustakaan UTB
Jalan Tungku Link, Mukim Gadong A, BE 1410
Negara Brunei Darussalam

© Perpustakaan UTB 2023

Cetakan Pertama 2023

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pihak Perpustakaan Universiti Teknologi Brunei, Negara Brunei Darussalam.

Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan (Cataloguing-in-Publication)

KUMPULAN titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam : di Majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Brunei 2013 - 2022 / disusun oleh Hajah Dayang Rohana Haji Awang Abd Hamid, -- Bandar Seri Begawan : Perpustakaan Universiti Teknologi Brunei, 2023

pages ; 30 cm.

ISBN 978-99917-898-7-3 (paperback)

ISBN 978-99917-898-8-0 (e-book edition)

1. Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Haji, Sultan of Brunei Darussalam, 1946-
2. Universiti Teknologi Brunei -- Graduate students
3. Speeches, addresses, etc. -- Bruneian
4. Universities and colleges -- Brunei Darussalam
- I. Dayang Rohana binti Haji Awang Abd Hamid, Hajah
- II. Universiti Teknologi Brunei. Perpustakaan

DS650.66 HAS

352.238095955 KUM (DDC 23)

Disemak oleh

Muhammad Hafizuddin bin Haji Abu Hasrah

Disusun oleh

Hajah Dayang Rohana binti Haji Awang Abd Hamid

Foto KDYMM disediakan oleh

Haji Abd Hafidz bin Haji Ali Hassan

Reka Bentuk Hiasan Kulit

Hajah Dayang Rohana binti Haji Awang Abd Hamid

Tim Penerbit:

Muhammad Hafizuddin bin Haji Abu Hasrah

Haji Abd Hafidz bin Haji Hassan

Hajah Noraidah binti Haji Madin

Aerniela Aemilya Conilla binti Latip

Hajah Dayang Rohana binti Haji Awang Abd Hamid

Rafeah binti Buang

Suzana binti Haji Zainal

Nurmultazimah Amalina binti Haji Awg Bakir@Bakri



"Selaras dengan perkembangan, Beta telah memperkenankan bagi Institut Teknologi Brunei (ITB) dinaikkan tarafnya kepada sebuah universiti dengan mengekalkan namanya ITB"

Petikan Titah

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi
Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

**Di Majlis Sambutan Hari Guru ke-18
Hari Sabtu 17 Syawal 1429/ 18 Oktober 2008**







KANDUNGAN

Kata Pengantar	xiii
Mukadimah	xv
Titah of KDYMM Sempena Majlis Konvokesyen Kali Pertama Bagi Graduan Ijazah Sarjana Muda Tempatan dan Majlis Konvokesyen Bagi Graduan Diploma Tertinggi Kebangsaan Kali Ke-22 Institut Teknologi Brunei [2013]	1 - 5
Titah KDYMM Sempena Majlis Konvokesyen Kali Kedua Bagi Graduan Ijazah Sarjana Muda Tempatan dan Majlis Konvokesyen Bagi Graduan Diploma Tertinggi Kebangsaan Kali Ke-23 Institut Teknologi Brunei [2014]	7 - 11
Titah KDYMM Sempena Majlis Konvokesyen Kali Ketiga Bagi Graduan Ijazah Sarjana Muda Tempatan dan Majlis Konvokesyen Bagi Graduan Diploma Tertinggi Kebangsaan Kali Ke-24 Institut Teknologi Brunei [2015]	13 - 17
Titah KDYMM Sempena Majlis Konvokesyen Kali Keempat Bagi Graduan Ijazah Sarjana Muda Tempatan dan Majlis Konvokesyen Bagi Graduan Diploma Tertinggi Kebangsaan Kali Ke-25 Universiti Teknologi Brunei [2016]	19 - 23
Titah KDYMM Sempena Majlis Konvokesyen Kali Kelima Bagi Graduan Ijazah Sarjana Muda Tempatan dan Majlis Konvokesyen Bagi Graduan Diploma Tertinggi Kebangsaan Kali Ke-26 Universiti Teknologi Brunei [2017]	25 - 28
Titah KDYMM Sempena Majlis Konvokesyen Kali Keenam Universiti Teknologi Brunei [2018]	29 - 33
Titah KDYMM Sempena Majlis Konvokesyen Kali Ketujuh Universiti Teknologi Brunei [2019]	35 - 39
Titah KDYMM Sempena Majlis Konvokesyen Kali Kelapan Universiti Teknologi Brunei [2020]	41 - 44
Titah KDYMM Sempena Majlis Konvokesyen Kali Kesembilan Universiti Teknologi Brunei [2021]	45 - 49
Titah KDYMM Sempena Majlis Konvokesyen Kali Kesepuluh Universiti Teknologi Brunei [2022]	51 - 54







Kata Pengantar

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa' Ta' ala dengan limpah kurnia dan izin-nya jua dapatlah kita menerbitkan buku Kumpulan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Brunei dari tahun 2013 hingga 2022.

Pada tahun 2022, genaplah sepuluh tahun Majlis Konvokesyen diraikan setiap tahun, yang mana pertama kali diadakan pada tahun 2013. Pada lazim nya sebelum majlis penganugerahan ijazah di sampaikan kepada para graduan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah akan terlebih dahulu menyampaikan titah sempena Majlis Konvokesyen, bersama ucapan tahniah kepada para graduan dan Ibu bapa. Selain daripada itu, Baginda juga akan mempertengahan pencapaian serta perkembangan terkini yang diraih oleh Universiti Teknologi Brunei. Sepuluh tahun dari pertama kali nya Majlis Konvokesyen pertama kali diadakan, maka terhasil lah buku Kumpulan Titah ini.


Antara objektif penerbitan Kumpulan Titah ini adalah untuk menjadikan ianya sebagai bahan ristaan dan rujukan di masa akan datang. Pada masa yang sama, ianya diharap juga Kumpulan Titah ini akan dapat menjadi satu lagi koleksi Universiti Teknologi Brunei yang tidak ternilai bukan sahaja untuk memberi pengetahuan tetapi juga untuk meningkatkan pemeliharaan artikel UTB.

Di kesempatan ini juga, saya sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada warga Perpustakaan Universiti Teknologi Brunei yang berusaha dan memberikan buah fikiran untuk menghasilkan terbitan buku **"Kumpulan Titah"** ini.

Terima Kasih dan Insya'Allah sampai jumpa lagi dalam penerbitan seterusnya.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Datin Paduka Profesor Dr Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman
Naib Canselor
Universiti Teknologi Brunei





Mukadimah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah Rabil Alamen Wassalatu Wassala Muala Asyrafil Anbiyaie Walmursalen, Sayyidina Muhammadin Waala Alihi Wasahbihi Ajmaen.

Dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah Subahanahu Wa Taala kerana dengan izin-nya jua, buku **Kumpulan Titah** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Brunei dari tahun 2013 hingga 2022 buat pertama kalinya diterbitkan untuk rujukan pengguna perpustakaan. Terlebih dulu izinkan saya merakamkan ucapan setinggi tinggi terima kasih kepada Datin Paduka Professor Dr Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman, Naib Canselor dan Dr Saiful bin Hj Omar, Penolong Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei untuk memberi sokongan yang tidak putus-putus kepada perpustakaan dalam penerbitan buku.

Titah-titah Kebawah Duli ini telah dikumpul adalah hasil usaha dan kerjasama pustakawan sendiri sehingga terbitnya sebuah buku yang berjudul Kumpulan Titah. Dengan terbitnya buku ini akan dapat memberikan kemudahan dan rujukan kepada pengguna-pengguna perpustakaan amnya.

Ucapan jutaan terima kasih juga di sampaikan kepada pegawai dan kakitangan perpustakaan. Dengan terhasilnya buku ini akan memberi manfaat, panduan, rujukan dan sejarah bukan saja untuk warga UTB malah seluruh masyarakat luar dari UTB.

Muhammad Hafizuddin Bin Haji Abu Hasrah
Pustakawan Kanan
Perpustakaan Universiti Teknologi Brunei





KUMPULAN TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN
WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI
SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN
YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI MAJLIS KONVOKESYEN KALI PERTAMA BAGI GRADUAN
IJAZAH DAN MAJLIS KONVOKESYEN BAGI GRADUAN
DIPLOMA TERTINGGI KEBANGSAAN KALI KE-22 INSTITUT
TEKNOLOGI BRUNEI (ITB)**

**PADA HARI KHAMIS
24 MUHARRAM 1435H
28 NOVEMBER 2013**

**BERTEMPAT
DI PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

2013







Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, Beta bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala yang telah mengizinkan kita dapat berhimpun pada hari ini dalam Majlis Konvokesyen Institut Teknologi Brunei (ITB) Tahun 2013 dan Istiadat Perisytiharan Pro-Canselor.

Diambil maklum bahawa pada hari ini adalah merupakan konvokesyen pertama bagi para graduan program Ijazah Sarjana Muda dalam bidang-bidang Kejuruteraan, Perdagangan dan Komputing, dan kali ke-22 bagi program tahap Diploma Tertinggi Kebangsaan.

Beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan dan penerima sijil di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing.

Dalam keadaan ekonomi dunia yang semakin sukar untuk dijangka pengajian tinggi masih saja tetap dilihat sebagai salah satu kunci utama dalam menjana ekonomi yang berdaya maju. Pada hari ini Negara Brunei Darussalam telah menambah lagi barisan anak bangsa yang akan sama-sama berjuang ke arah itu. Ucapan tahniah dan syabas juga tidak lupa Beta tujukan kepada para ibu bapa dan penjaga serta para tenaga pengajar yang tidak kendur-kendurnya memberi bimbingan dan pupuk semangat kepada para graduan dan penerima sijil sehingga mereka itu mencapai kejayaan.

Alhamdulillah, ITB sudah ditubuhkan selama lebih 27 tahun dan kini sudah mencecah 5 tahun, berstatus sebagai sebuah universiti penuh. Kematangan ini sewajarnya membawa ITB berpandangan lebih jauh untuk menjadikannya sebuah institusi pengajian tinggi yang berjaya.





Pada hemat Beta, sudah tiba masanya untuk ITB keluar daripada comfort zone dan membuat pembaharuan-pembaharuan yang dapat mentransformasi dirinya dan sekaligus mengangkat ITB sebagai di antara university kejuruteraan dan teknologi yang terbaik di peringkat antarabangsa.

Antara sukut-sukat kualiti bagi pendidikan pengajian tinggi ialah kualiti pengajaran, kualiti kurikulum dan kualiti para pelajarnya sendiri. Oleh itu, dalam proses peralihan menawarkan program ke peringkat ijazah, janganlah ia dibuat secara semberana, umpama orang menukar baju sahaja. Lakukanlah secara kemas supaya ITB dapat menghasilkan graduan-graduan yang marketable, yang mempunyai kemahiran sepadan dengan keperluan industri dan juga mampu mempertingkatkan diri bagi berhadapan dengan masa depan yang dinamik yang sentiasa berubah. Ini penting, kerana ia bukan sahaja akan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi malahan juga akan mengekang pertambahan bilangan penganggur.

Jadikanlah saiz ITB yang kecil ini sebagai satu kelebihan untuk ia mudah merancang dan melaksanakan inisiatif-inisiatifnya selaku pembekal sumber-tenaga manusia yang bersifat relevan. Ini semua tidaklah mustahil, kerana memang terdapat pengalaman-pengalaman di Negara luar seperti 'California Institute of Technology' ataupun 'Caltech' iaitu sebuah universiti kecil di California yang telah menjadi antara universiti kejuruteraan yang teratas di dunia pada masa ini, walaupun hanya mempunyai sekitar 2,000 orang penuntut.

Kerajaan berhasrat untuk mempunyai nisbah 60:40 graduan dalam bidang sains sastera bagi perancangan pembangunan Negara. Dalam hal ini, ITB berkewajipan untuk memastikan program yang ditawarkan adalah menarik, supaya lebih ramai lagi pelajar di peringkat bawah yang akan menceburi bidang sains. Mengapakah ini penting? Kerana, tren dunia adalah semakin didominasi oleh bidang ICT, Multimedia, Teknologi kreatif dan Knowledge-based Economy memaksa kita untuk sentiasa bersedia dan bersifat responsif.





Sebagaimana kita semua maklum bahawa tenaga akademik adalah merupakan antara faktor utama yang menjadi jentera kepada kegemilangan sesebuah institusi pendidikan itu. Maka berhubung ini, ITB tidak terkecuali demi turut menyediakan tenaga akademik yang berkualiti yang bertaraf antarabangsa. Terdapat beberapa kriteria yang dijadikan sukat-sukat bagi mengukur tahap kualiti tenaga akademik tersebut. ITB akan melihat semua ini dari mengukur tahap kualiti tenaga akademik tersebut.

ITB akan melihat semua ini dari sudut keterlibatan dan sumbangan mereka misalnya dalam penerbitan dan kerjasama penyelidikan atau collaborative research di peringkat antarabangsa.


Akhirnya, Beta sekali lagi merakam ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan dan penerima sijil yang berjaya.

Beta juga ingin mengambil kesempatan untuk mengingatkan bahawa kecemerlangan individu itu bukan diukur dari pencapaian dalam bidang pendidikan sahaja tetapi juga turut diukur dari sudut pembangunan insan secara holistik. Kerana itu, disamping meraih kejayaan dalam pendidikan, para graduan juga perlu melengkapkan diri dengan komponen model insan yang membolehkan mereka berhadapan dengan pelbagai rintangan.

Beta dengan ikhlas, merakamkan ucapan penghargaan dan rasa terima kasih kepada semua warga Institut Teknologi Brunei, yang merangkumi Ahli-Ahli Majlis, Ahli-Ahli Senat, Pemangku Naib Canselor, Pegawai-Pegawai Utama, Ahli-Ahli Akademik, pegawai dan kakitangan atas segala sumbangan dan perkhidmatan mereka. Beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa memberkati segala usaha dan pengorbanan mereka.

Sekian. Wabillahit Taufeq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.







KUMPULAN TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN
WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI
SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN
YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI MAJLIS KONVOKESYEN KALI KEDUA BAGI GRADUAN
IJAZAH DAN MAJLIS KONVOKESYEN BAGI GRADUAN
DIPLOMA TERTINGGI KEBANGSAAN KALI KE-23
INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI (ITB)**

**PADA HARI KHAMIS
28 ZULHIJAH 1435H
23 OKTOBER 2014**

**BERTEMPAT
DI PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

2014







Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh

Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'enu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu' Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin, Wa'alaah Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat hadir di perhimpunan hari ini dalam Majlis Konvokesyen Institut Teknologi Brunei (ITB) Tahun 2014.

Beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan, di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing. Ucapan yang sama juga beta tujukan kepada para ibu bapa dan penjaga serta tenaga pengajar yang sentiasa memupuk semangat cintakan ilmu kepada para graduan sehinggalah mereka berjaya.

ITB adalah sebuah universiti berprestij di negara ini, yang untuk sekian lamanya telah turut menyumbang kepada pembangunan sumber manusia dalam bidang kejuruteraan dan teknologi. Dengan bertambahnya para graduan yang berkelulusan di bidang ini, Beta berharap, mereka itu bukan sahaja mampu untuk mengisi kekosongan pekerjaan, tetapi juga selaku penyumbang kepada pembangunan. Beta melihat, bahawa pasaran kerja tempatan dan global yang sentiasa mencabar adalah memerlukan ITB untuk lebih ke hadapan mengendalikan pendidikan yang berkualiti.

Berkaitan ini, peningkatan kapasiti tenaga manusia dalam jurusan kejuruteraan dan teknologi akan dapat mendukung agenda negara dalam Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik atau STEM. Ini juga akan membantu menggalakkan pertumbuhan inovasi. Mengenai inovasi ini, Beta gembira mengetahui, yang Pertandingan Crown Prince CIPTA Award yang dianjurkan oleh ITB sebagai penjana inovasi telah dibukakan kepada negara-negara ASEAN. Beta berharap, landasan ini mampu untuk meningkatkan lagi inovasi di kalangan negara-negara ASEAN dan secara tidak langsung mendukung aspirasi ke arah ASEAN Community 2015.





Selain itu, mungkin juga ITB akan memikirkan satu model, di mana negara ASEAN boleh mengamalkan Open Innovation atau Inovasi.

Dari segi pembelajaran, Beta ingin menyarankan supaya ITB juga dapat memupuk pelajar-pelajarnya secara holistic, mendidik dan meningkatkan kemahiran berfikir dengan berpaksikan MIB.

Elok juga bagi ITB mula memikirkan bagaimana pelajar-pelajar dapat berkongsi pembelajaran dengan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain. Selain itu, ITB juga perlu meningkatkan pendedahan pelajar-pelajarnya di arena antarabangsa secara terbuka. Dan sehubungan itu, ia juga mungkin dapat mengatasi isu-isu berkenaan hak harta intelek, dana, pertukaran teknologi dan bahan.

Kualiti pelajar kerap dikaitkan dengan kualiti tenaga akademik. Kerana itu, sangatlah mustahak bagi ITB meningkatkan kualiti tenaga akademiknya selaras dengan taraf sebuah universiti yang dikagumi. Beta pada awal tahun ini, telah pun memperkenankan Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik bagi Institusi Perkhidmatan Awam. Sekali lagi Beta ingin menekankan, supaya hanya tenaga akademik yang benar-benar layak sahaja yang akan diserapkan kepada skim ini.

Mengenai status ITB, Beta adalah menyambut baik visi ITB untuk menjadi antara 10 Universiti Kejuruteraan dan Teknologi yang teratas di Asia Tenggara menjelang tahun 2018. Perkara ini bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dicapai, sekiranya seluruh warga ITB berusaha ke arah itu.

Menyebut tentang kecemerlangan, khasnya cemerlang dalam pembelajaran dan penyelidikan, ITB pada hemat beta, perlulah menjalin hubungan baik dengan agensi-agensinya strategik yang berkepentingan. ITB mesti melangkah ke hadapan membentuk perhubungan strategik yang mendalam dan meluas merentasi Akademik, Industri dan Kerajaan. Dari perhubungan Tiga Segi atau Triple Helix ini kelak, tidak mustahil kita akan dapat melihat terdirinya kerjasama bersepadu yang rapat bersama Syarikat Multinasional di kampus ITB. ITB dan industri adalah wajar berganding bahu dalam mengambil peluang kerjasama ini bagi menawarkan program di bidang sains yang terkini atau Emerging Science.





Mengenai penyelidikan dan inovasi, Beta difahamkan, ITB telah pun menubuhkan Pusat Penyelidikan Pengangkutan ITB atau Centre for Transport Research, ringkasnya 'CFTR' yang memfokuskan penyelidikannya ke sudut pengangkutan darat, udara dan laut berlandaskan kejuruteraan dan teknologi.


Beta gembira CFTR telah menjalin kerjasama rapatnya dengan Kementerian Perhubungan. Beta juga berharap agar kerjasama itu dapat dilaratkan lagi kepada agensi-agensi yang lain, sejajar dengan wawasan negara. Demikian juga kerjasama ini perlu turut dilaratkan kepada institusi-institusi yang mempunyai reputasi tinggi dalam penyelidikan, bagi mengangkat ITB ke arena antarabangsa. Sehubungan itu, Beta telah pun memperkenankan penubuhan Pusat Inovasi dan Kejuruteraan atau 'Centre for Innovative Engineering' ringkasnya 'CIE' sebagai pusat penyelidikan kejuruteraan inovatif yang berkualiti. Beta berharap CIE ini akan menjadi Pusat Kecemerlangan dan rujukan kerjasama dengan pihak-pihak agensi tempatan dan luar negara.

Akhirnya, beta sekali lagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan yang berjaya. Beta juga ingin mengambil kesempatan untuk mengingatkan bahawa kejayaan yang dicapai hendaklah digunakan dengan sebaik-baiknya untuk membantu negara memajukan ekonomi yang berasaskan knowledge-based.

Beta juga dengan ikhlas, merakamkan ucapan penghargaan dan rasa terima kasih kepada semua warga Institut Teknologi Brunei, yang merangkumi Ahli-Ahli Majlis, Ahli-Ahli Senat Universiti, Pemangku Naib Canselor, Pegawai-Pegawai Utama, Ahli-Ahli Akademik, pegawai dan kakitangan universiti atas segala sumbangan dan perkhidmatan mereka, Beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua yang akan memberkati segala pengorbanan mereka dengan mengurniakan ganjaran yang berlipat ganda.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.







KUMPULAN TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN
WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI
SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN
YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


**DI MAJLIS KONVOKESYEN KALI KETIGA BAGI GRADUAN
IJAZAH DAN MAJLIS KONVOKESYEN BAGI GRADUAN
DIPLOMA TERTINGGI KEBANGSAAN KALI KE-24
INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI (ITB)**

**PADA HARI SABTU
18 MUHARRAM 1437H
31 OKTOBER 2015**

**BERTEMPAT
DI PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

2015







Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat hadir ke Majlis Konvokesyen Institut Teknologi Brunei (ITB) Tahun 2015.

Mula-mula, Beta sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin kepada kecemerlangan di masa akan datang. Ucapan tahniah ini juga Beta tujukan kepada para ibu bapa dan penjaga serta tenaga pengajar yang sentiasa meniupkan semangat cintakan ilmu kepada para graduan.

Beta difahamkan bahawa majlis konvokesyen kali ini akan menyaksikan penganugerahan sulung bagi program Ijazah Sarjana secara penyelidikan atau Masters by Research yang merupakan satu lagi pencapaian cemerlang bagi ITB. Beta juga mengambil maklum bahawa kemasukan pelajar ke ITB dari dalam dan luar negara bagi program lepasan ijazah telah meningkat dua kali ganda pada tahun ini berbanding tahun lepas. Ini menunjukkan peningkatan keyakinan terhadap ITB.

Memang perlu bagi ITB bercita-cita lebih tinggi untuk mendapatkan kedudukan, sebanding dengan institusi-institusi terkemuka dunia. Untuk ini ITB perlu mempunyai keazaman dan sistem pengajian yang berkualiti.

Ini semakin relevan, dengan negara turut mengalami tempas iklim ekonomi global yang tidak menentu. Kita mahu generasi masa kini mempunyai pendidikan tinggi untuk memacu ekonomi berasaskan pengetahuan.

Sehubungan dengan ini, adalah wajar bagi ITB untuk memberikan keutamaan dengan menawarkan kursus-kursus yang leading edge bagi memastikan pengeluaran graduannya mampu untuk menyumbang kepada ekonomi negara.





Beta dengan ini menyarankan agar ITB dan institusi-institusi pengajian tinggi lainnya melibatkan stakeholders yang berkaitan, supaya segala inisiatif, seperti pendidikan dan penyelidikan akan sentiasa relevan dan menyeluruh.

Menyentuh penglibatan stakeholder, Beta gembira mengetahui bahawa terdapat pihak industri dari dalam dan luar negara yang menerima pelajar-pelajar ITB bagi tujuan penempatan, yang dipanggil ExperiencePlus dengan perbelanjaan ditaja sepenuhnya oleh industri atau dikongsisama oleh ITB. Melalui pendekatan hands on ini, akan melengkapkan lagi para graduan untuk menjadi graduan job-ready.

Di samping itu, Beta juga suka menyarankan agar ITB dan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain terus berganding bahu dan bekerjasama dengan industri, sektor perniagaan dan stakeholder kerajaan dalam mengembangkan ekosistem penyelidikan dan perkembangan.

Universiti tidak diragukan lagi memainkan peranan penting dalam membina bakat atau talent untuk menjana ekonomi negara. Sebab itu Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik yang sedia ada, adalah dihasratkan untuk mereka yang benar-benar layak sahaja. Ini penting, kerana impaknya memberi kesan besar dan langsung kepada pencapaian visi ITB serta menjadi pemangkin kepada pembangunan insan dan negara. Secara khusus, Beta ingin menyebut di sini peranan pendidikan dalam negara sedang membangun. Tidak diragukan lagi, Brunei kini adalah sebuah negara sedang membangun dan selaku negara sedang membangun, sasaran utamanya ialah untuk mencapai taraf "negara maju".

Dalam menuju sasaran ini, negara tentu saja memerlukan pelbagai rancangan kemajuan, termasuk rancangan dan pelaksanaan di bidang pendidikan.

Maka dalam kesempatan ini, Beta ingin mengingatkan, supaya pihak berkenaan, janganlah sekali-kali terbabas daripada landasan luhur: MIB, apabila kita merancang sesuatu rancangan untuk pendidikan.





Demikian juga, apa-apa yang sudah sedia ada, janganlah lalai daripada mengulang kaji. Mana-mana yang baik dikekalkan, tetapi jika terdapat sesuatu yang bertentangan dengan falsafah atau konsep MIB, maka itu semua tidaklah wajar didiamkan, melainkan ianya perlu diulang kaji semula dan diperbaiki.

Akhirnya, Beta sekali lagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan yang sama-sama kita raikan pada pagi ini. Beta juga penuh berharap dengan kejayaan ini, para graduan akan menyumbangkan khidmat, bukan sahaja kepada kerajaan malahan juga kepada ugama, bangsa dan negara.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga dirakamkan kepada semua warga Institut Teknologi Brunei, yang merangkumi Ahli-Ahli Majlis, Ahli-Ahli Senat, Naib Canselor, Pegawai-Pegawai Utama, Ahli-Ahli Akademik, pegawai dan kakitangan atas segala sumbangan dan perkhidmatan mereka. Beta berdo'a semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan memberkati segala pengorbanan mereka, dengan mengurniakan ganjaran yang berlipat ganda.

Sekian Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.







KUMPULAN TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN
WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI
SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN
YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


**DI MAJLIS KONVOKESYEN KALI KEEMPAT BAGI GRADUAN
IJAZAH DAN MAJLIS KONVOKESYEN BAGI GRADUAN
DIPLOMA TERTINGGI KEBANGSAAN KALI KE-25
UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI (UTB)**

**PADA HARI ISNIN
07 SAFAR 1438H
07 NOVEMBER 2016**

**BERTEMPAT
DI PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

2016







Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiie Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah kita pada pagi ini, bersama-sama berhimpun di Majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Brunei (UTB) Tahun 2016.

Di kesempatan ini Beta sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin kepada kecemerlangan di masa akan datang. Beta juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada para ibu bapa dan penjaga serta tenaga pengajar yang sentiasa berusaha memastikan para graduan sentiasa berada di landasan yang betul di sepanjang tempoh pengajian mereka sehingga dapat meraih kejayaan yang sungguh bermakna.

Beta juga mengucapkan tahniah di atas pertukaran nama Institut Teknologi Brunei kepada Universiti Teknologi Brunei (UTB) setelah mencapai usia 30 tahun penubuhannya. Beta berharap dengan nama baru ini, semua usaha akan ditingkatkan lagi bagi memenuhi objektif, misi dan visi universiti. Walau bagaimanapun, Beta ingin mengingatkan, supaya apa jua yang dirancang dan dilaksanakan, hendaklah sentiasa berlandaskan MIB.

Seterusnya, Beta difahamkan bahawa majlis konvokesyen pada kali ini akan menyaksikan penganugerahan sulung bagi 12 program ijazah Sarjana Muda yang mula diperkenalkan pada tahun 2012. Ini adalah pencapaian yang membanggakan kerana UTB mampu meluaskan lagi bidang pengajian yang ditawarkan dan seterusnya telah membuka lebih banyak peluang kepada lebih ramai pelajar untuk meneruskan pengajian mereka di UTB. Dalam hal ini, Beta menyeru supaya UTB akan sentiasa melipat gandakan lagi usaha memperkenalkan program-program lain yang relevan dan yang dapat memacu perkembangan ekonomi negara.





Alhamdulillah, setakat ini Beta ada mendengar bahawa para graduan yang dilahirkan oleh UTB adalah mampu untuk memenuhi kehendak pasaran pekerjaan dengan baik. Namun di dalam masa yang sama, penglibatan mereka di bidang keusahawanan masih lagi di tahap yang rendah. Memandangkan adanya kekurangan pencapaian ini, maka sudah sampai masanya bagi UTB mengkaji dan menggubal semula kurikulumnya bagi memastikan semangat, kecenderungan dan peluang dalam bidang keusahawanan itu dapat dibentuk seawal-awalnya lagi.

Menyentuh mengenai sumber tenaga kerja dari industri yang bukan berasaskan minyak dan gas, Beta mengambil maklum mengenai penubuhan Sekolah Sains Gunaan dan Matematik (School of Applied Sciences and Mathematics) yang menawarkan program ijazah Sarjana Muda Sains Makanan dan Teknologi. Program itu, antara lain dihasratkan untuk mendukung pertumbuhan ekonomi dari industri permakanan di negara ini, selaras dengan usaha kerajaan dalam mempelbagaikan sumber ekonomi melalui pelaburan langsung asing. Beta berharap penubuhan Sekolah Sains Gunaan dan Matematik itu akan mampu mengangkat UTB sebagai penyumbang kepada peningkatan industri permakanan yang berkualiti tinggi, yang mampu bersaing di arena antarabangsa.

Mengenai dengan pengiktirafan bagi program-program profesional pula, usaha tersebut adalah suatu yang sangat perlu bagi meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran graduan. Oleh sebab itu, Beta gembira apabila mengetahui bahawa Sekolah Pengkomputeran dan Informatik UTB telah diiktiraf oleh British Computer Society, sebuah badan profesional antarabangsa. Di dalam iklim ekonomi global yang masih tidak menentu, inisiatif ke arah pengiktirafan program-program itu boleh menjimatkan kos latihan bagi majikan.

Seterusnya dalam mendepani krisis ekonomi dunia ini, UTB dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) hendaklah mengamalkan sikap berjimat cermat dan tidak bergantung sepenuhnya kepada kerajaan. IPTA boleh menjana pendapatan berdaya tahan melalui perkhidmatan kepakaran dan penyelidikan berinovasi, sesuai dengan statusnya sebagai separa autonomi. Pendekatan ini mampu untuk menjamin kelangsungan inisiatif-inisiatif agenda pertumbuhan organisasi masing-masing.





Akhirnya, Beta tidak lupa merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua warga Universiti Teknologi Brunei (UTB), yang merangkumi Ahli-Ahli Majlis, Ahli-Ahli Senat, Naib Canselor, Pegawai-Pegawai Utama, Ahli-Ahli Akademik, pegawai dan kakitangan atas segala sumbangan dan perkhidmatan mereka. Beta berdo'a semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua akan memberkati segala usaha dan titik peluh mereka dengan mengurniakan ganjaran yang berlipat ganda.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatulahi Wabarakatuh.







KUMPULAN TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN
WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI
SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN
YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI MAJLIS KONVOKESYEN KALI KELIMA BAGI GRADUAN
IJAZAH DAN MAJLIS KONVOKESYEN BAGI GRADUAN
DIPLOMA TERTINGGI KEBANGSAAN KALI KE-26
UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI (UTB)**

**PADA HARI SABTU
09 MUHARRAM 1439H
30 SEPTEMBER 2017**

**BERTEMPAT
DI PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

2017







Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat hadir di Majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Brunei (UTB) Tahun 2017.

Di kesempatan ini Beta sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing. Semoga kejayaan ini akan jadi pemangkin kepada kecemerlangan di masa akan datang. Ucapan tahniah ini juga Beta tujukan kepada ibu bapa dan penjaga serta tenaga pengajar yang sentiasa memupuk semangat cintakan ilmu kepada para graduan sehingga mereka itu beroleh kejayaan.

Beta difahamkan bahawa Majlis Konvokesyen pada kali ini akan menyaksikan penganugerahan sulung bagi program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia dan Ijazah Sarjana Masters by Coursework. Beta juga mengambil maklum bahawa kemasukan para pelajar ke UTB bagi program lepasan ijazah telah meningkat dari tahun ke tahun. Ini menunjukkan peningkatan keyakinan terhadap keupayaan UTB dalam mengendalikan program lepasan ijazah.

Walaubagaimanapun, nisbah pelajar antarabangsa masih saja belum mencapai sasaran optima bagi Institusi Pengajian Tinggi. Dalam hal ini, Beta menyeru agar UTB melipatgandakan lagi usaha pengantarabangsaan untuk menarik pelajar-pelajar dari luar negara. Beta menyambut baik usaha UTB untuk menanda aras melalui penarafan bintang dan kedudukan dikalangan universiti-universiti di Asia.

Alhamdulillah, usaha penarafan bintang telah membawa hasil dimana UTB telah berjaya meraih 4 bintang pada penilaian keseluruhan oleh QS. Pencapaian ini sangatlah bermakna bagi UTB, kerana belum pun sampai usianya 10 tahun ia sudah mampu untuk mendapat pengiktirafan, seperti universiti-universiti yang sudah lama tertubuh.





Pada tahun 2014, Beta pernah bertitah mengenai Triple Helix.

Beta dimaklumkan bahawa konsep Triple Helix boleh dilaratkan kepada Quadra-Helix sekiranya ia melibatkan inovasi berteraskan pengguna atau user-centric innovation. Beta gembira dengan kemajuan yang dicapai dalam Quadra-Helix setakat ini.

Bukan itu sahaja, UTB juga telah merintis usaha dengan membuka makmal Sains, Teknologi dan Inovasi untuk menempatkan industri di dalam kampus. Impak kerjasama seperti ini hendaklah diukur melalui penjana modal insan yang mempunyai kebolehpasaran tempatan atau global, seta mempunyai kemahiran dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik atau ringkasnya, STEM.

Selain itu, Beta juga difahamkan bahawa kerjasama antara UTB dan Syarikat Sesame World Technology telah menghasilkan inovasi ketara melalui pengeluaran produk dalam Directed Sound System yang mempunyai nilai komersial. Ini juga penting, kerana ia boleh menyumbang kepada hasil negara melalui ekonomi berasaskan inovasi.

Khusus mengenai penjana modal insan, Beta ingin mengingatkan supaya apa jua aktiviti UTB ke arah ini, hendaklah tidak bercanggah dengan falsafah MIB. MIB adalah 'calak' kita.

Akhirnya, Beta sekali lagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan yang diraikan pada pagi ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga dirakamkan kepada semua warga Universiti Teknologi Brunei, yang merangkumi Ahli-Ahli Majlis, Ahli-Ahli Senat, Naib Canselor, Pegawai-Pegawai Utama, Ahli-Ahli Akademik, pegawai dan kakitangan, atas segala sumbangan dan perkhidmatan mereka. Beta berdo'a semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan memberkati segala pengorbanan mereka, dengan mengurniakan ganjaran yang berlipat ganda.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatulahi Wabarakatuh.





KUMPULAN TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN
WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI
SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN
YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


**DI MAJLIS KONVOKESYEN KALI KEENAM
UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI (UTB)**

**PADA HARI SABTU
19 MUHARRAM 1440H
29 SEPTEMBER 2018**

**BERTEMPAT
DI PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

2018







Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat hadir di Majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Brunei (UTB) Tahun 2018.

Di kesempatan ini, Beta sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing. Ucapan yang sama juga Beta tujukan kepada para ibu bapa dan penjaga serta tenaga pengajar yang sentiasa memupuk semangat cintakan ilmu kepada para graduan sehingga mereka itu beroleh kejayaan.

Dalam era revolusi industri ke empat (fourth industrial revolution), teknologi adalah memainkan peranan sangat penting dalam mengatur cara hidup dan cara kita bekerja. Sebagai sebuah universiti teknologi, Beta melihat, era ini adalah merupakan cabaran kepada UTB untuk melengkapkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan.

Memang, kecemerlangan sesebuah universiti banyak bergantung kepada kejayaannya mengeluarkan para graduan dan menghasilkan hasil-hasil penyelidikan yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara.

Dalam konteks ini, Beta mengucapkan tahniah kepada UTB kerana pada julung kalinya pada tahun ini, telah termasuk dalam QS World University Rankings pada tangga 442, dan juga tangga ke-57 dalam Young Global University bagi universiti di bawah umur 50 tahun. Pencapaian terkini pula ialah penarafan bintang (Star rating), di mana UTB telah berjaya meraih 5 bintang pada penilaian keseluruhan. Ini tidak diragukan lagi merupakan pencapaian penting bagi UTB, sebagai sebuah universiti muda, yang baru berusia 10 tahun.





Bagaimanapun, Beta ingin mengingatkan UTB supaya tidak cepat berpuas hati, tetapi masih perlu pro-aktif dalam membuat pelan-pelan tindakan untuk pengajaran termasuk menggiatkan usaha-usaha penyelidikan di UTB.

Satu lagi keutamaan bagi UTB dan malah semua institusi pengajian tinggi untuk memberikan tumpuan kepada tenaga akademik masing-masing. Beta berharap, supaya semua institusi pengajian tinggi menyediakan perancangan sumber manusia secara terperinci, selaras dengan keperluan universiti dan pembangunan negara.

Beta difahamkan, perancangan dan hala tuju UTB ke fasa seterusnya ialah melaksanakan Pelan Strategik bagi 5 Tahun akan datang dengan visi baru iaitu "A Global University Impacting Society". Prestasi UTB akan sentiasa dinilai, antaranya melalui kualiti graduan, kebolehpasaran, keberkesanan terhadap masyarakat dan penyelidikan.

Mengenai penyelidikan, Beta gembira dengan kejayaan Pusat Kejuruteraan Inovatif UTB yang mendapat dana daripada ICT Virtual Organization of ASEAN Institute and NCT (ASEAN IVO), sebuah organisasi ICT Virtual yang mempunyai keahlian daripada beberapa institut penyelidikan, universiti-universiti ASEAN dan National Institute of Information and Communications Technology Jepun, di mana UTB telah diberi kepercayaan untuk mengetuai projek teknologi pintar berasaskan aplikasi visi komputer dan Artificial Intelligence dalam industri pelancongan. Manakala dua buah projek lain pula bertujuan untuk mengintegrasikan teknologi pintar di dalam bidang perlindungan alam sekitar dan industri pertanian.

Berhubung dengan penyelidikan dalam bidang pertanian, Beta menyambut baik penubuhan Pusat Penyelidikan Sains dan Teknologi Agri-Makanan atau Centre for Research on Agri-Food Science and Technology, ringkasnya CrAFT. Beta difahamkan bahawa pusat ini berperanan untuk meningkatkan keupayaan pertanian melalui penggunaan teknologi, misalnya penggunaan Internet of Things atau IOT dalam bidang pengurusan ladang atau Smart Farm.





Beta juga difahamkan bahawa pusat ini juga akan menjalankan penyelidikan untuk menyokong dan mengembangkan lagi industri makanan. Beta berharap CrAFT akan bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan, sektor swasta, institusi-institusi pengajian tinggi, dalam dan luar negara.

Akhirnya, Beta tidak lupa merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua warga Universiti Teknologi Brunei, yang merangkumi Ahli-Ahli Majlis, Ahli-Ahli Senat, Naib Canselor, Pegawai-Pegawai Utama, Ahli-Ahli Akademik, pegawai dan kakitangan, di atas segala sumbangan dan perkhidmatan mereka. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua yang akan mengurniakan mereka dengan keberkatan, Amin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatulahi Wabarakatuh.







KUMPULAN TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN
WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI
SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN
YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


**DI MAJLIS KONVOKESYEN KALI KETUJUH
UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI (UTB)**

**PADA HARI KHAMIS
12 MUHARRAM 1441H
12 SEPTEMBER 2019**

**BERTEMPAT
DI PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

2019







Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiie Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur kehadhrat Allah Subahanahu Wata'ala kerana dapat hadir ke Majlis konvokesyen Universiti Teknologi Brunei (UTB) pada hari ini.

Dikesempatan ini, Beta terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin kepada kecemerlangan di masa akan datang. Ucapan tahniah juga Beta tujukan kepada para ibu bapa dan penjaga serta tenaga pengajar yang secara konsisten mendorong para graduan sehingga beroleh kejayaan.

Baru-baru ini satu berita baik telah diterima, iaitu UTB telah memenangi tempat pertama bagi Pengurusan Alam Sekitar Dalam Dunia Islam, di bawah kategori: "Best NGO's Leading Practices". Kejayaan ini disandang kerana projek UTB bertajuk: "Mitigating Floods and Fire Hazards in Forestry Using IOT System in Brunei Darussalam" (Mengurangkan banjir dan bahaya kebakaran di perhutanan dengan menggunakan sistem IOT di Negara Brunei Darussalam).

Anugerah bagi kejayaan ini akan disumbangkan oleh Kerajaan Arab Saudi, bernilai 30,000 Dollar Amerika. Penganugerahan akan disampaikan di Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Islam Menteri-Menteri Alam Sekitar Kali Ke-8, di Ibu Pejabat ISESCO di Rabat.

Berita lain yang juga tidak kurang menggembirakan ialah, kejayaan UTB meraih kedudukan 400 teratas, dengan berdiri di tangga ke-379 di QS World University Rankings. Namun ini, bukanlah bermakna, mana-mana pusat pengajian tinggi yang belum atau tidak meraih ranking, kedudukannya terke bawah dari pusat pengajian yang ada ranking.





Di majlis Haflut Takharuj UNISSA tempoh hari, Beta telahpun menyebut mengenai ranking ini. Tanda aras kecemerlangan bagi satu-satu pusat pengajian tinggi itu, tentu saja tidak sama. Oleh itu, kriteria ranking juga pastinya berbeza, tertakluk kepada dasar dan falsafah masing-masing.

Beta tidak berhalangan dan malah menggalakkan, supaya UTB mengekalkan usahanya untuk menjadi sebuah universiti global yang berkesan, sesuai sebagai sifatnya sebuah Universiti Teknologi. UTB mempunyai tanggungjawab besar untuk mempersiapkan para graduannya dengan kemahiran dan kompetensi yang relevan, seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Lebih-lebih lagi pada masa ini dunia kita sedang berada di gelanggang revolusi industri ke-empat.

UTB mesti mengemaskinikan program-program yang ditawarkannya supaya relevan dengan keperluan semasa. Program-program tersebut bukan hanya untuk menghasilkan para graduan yang mempunyai kompetensi teknologi terkini, malahan juga mempunyai pemikiran yang fleksibel, kreatif dan berinovasi serta mampu untuk mengambil peluang dari keperluan pasaran.

Beta menyambut baik perancangan UTB untuk menyediakan platform ekosistem inovasi yang bertujuan untuk meningkatkan budaya inovasi melalui kurikulum, penyelidikan dan kolaborasi yang melibatkan agensi dan pertandingan-pertandingan yang relevan. Beta menyarankan supaya agensi kerajaan, sektor swasta dan institusi-institusi pengajian tinggi akan bekerjasama menggerakkan platform ini.

Mengenai hubungan kerjasama ini, UTB juga perlu mempertingkatkan komunikasi dengan pihak industri yang berkaitan. Ini, adalah sebagai langkah supaya pihak universiti mempersiapkan para graduannya dengan kemahiran menurut kehendak industri. Dalam masa yang sama langkah ini juga mampu untuk meningkatkan peluang pekerjaan bagi para graduan.

Dalam pada itu, para mahasiswa UTB, disamping memburu ilmu dan kemahiran, mereka juga dikehendaki supaya jangan mengabaikan ugama dan kerohanian. Ugama adalah anutan, dan juga sekaligus, sebagai identiti kita.





Malah identiti itu sifatnya lebih menyeluruh, termasuk bahasa dan budaya. Semuanya ini jangan diletakkan di tepi atau dibelakang, tetapi jadikanlah ia pakaian untuk dipakai.

Ambilah pengajaran daripada bangsa-bangsa yang maju, mereka itu tidak mudah untuk membelakangi identiti masing-masing.

Inilah juga yang sepatutnya ada pada kita.

Akhirnya, Beta sekali lagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan yang diraikan pada pagi ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih Beta juga dirakamkan kepada semua warga Universiti Teknologi Brunei, yang merangkumi Ahli-Ahli Majlis, Ahli-Ahli Senat, Naib Canselor, Pegawai-Pegawai Utama, Ahli-Ahli Akademik, pegawai dan kakitangan, di atas segala sumbangan dan perkhidmatan mereka. Beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan memberkati segala usaha serta mengurniakan ganjaran-Nya yang berlipat ganda.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.







KUMPULAN TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN
WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI
SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN
YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI MAJLIS KONVOKESYEN KALI KELAPAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI (UTB)**

**PADA HARI ISNIN
30 RABIULAWAL 1442H
16 NOVEMBER 2020M**

**BERTEMPAT
DI PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

2020







**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem**

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiie Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta tidak jemu-jemu bersyukur kehadhrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat pula hadhir ke Majlis Konvokesyen Kali Ke-8 Universiti Teknologi Brunei pada hari ini.

Dikesempatan ini, Beta terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing. Semoga kejayaan ini akan jadi pemangkin kepada kecemerlangan di masa akan datang. Ucapan tahniah juga Beta tujukan kepada para ibu bapa dan penjaga serta tenaga pengajar yang secara konsisten mendorong para graduan sehingga beroleh kejayaan.

Alhamdulillah, Beta sebentar tadi telah pun melancarkan Permulaan Penulisan Mushaf UTB. Insya Allah Mushaf ini nanti akan mengepelai setiap perarakan dalam Majlis Konvokesyen UTB. Dengan ini juga bererti, UTB tidak ketinggalan memertabatkan Mushaf sebagai 'Lambang Keilmuan' yang tidak ada tolok bandingnya.

Beta, dalam majlis yang permai ini mengambil maklum, bahawa UTB buat julung kalinya akan menganugerahkan Ijazah Kedoktoran atau PhD. Ini menunjukkan UTB semakin meningkat matang dalam bidang penyelidikan dan pasca ijazah.

Beta pernah menyentuh mengenai peranan UTB sebagai penyumbang kepada perkembangan ilmu pengetahuan serta berupaya untuk menyelesaikan isu-isu kontemporari melalui usaha-usaha penyelidikan.

Sehubungan itu, Beta menyambut baik mengenai kerjasama penyelidikan kejuruteraan bertaraf dunia bersama Brunei Shell Petroleum Sdn Bhd (BSP), Imperial College (UK) dan University of New South Wales (Australia).





Projek berkenaan dijangka akan menyelesaikan salah satu cabaran teknikal paling mahal di Negara Brunei Darussalam, iaitu isu pasir dalam pengeluaran hidrokarbon.

Projek ini juga akan menawarkan biasiswa kepada pelajar dan menyediakan pekerjaan tempatan kepada para graduan UTB.

Malah, Beta juga difahamkan bahawa aktiviti-aktiviti penyelidikan UTB telah juga dilaratkan kepada komuniti, seperti Majlis Perundingan Kampung, sebagai live project bagi kakitangan dan mahasiswa UTB, selaras dengan visi UTB untuk menjadi sebuah universiti global yang memberi kesan kepada masyarakat.

Mengenai kedudukan UTB sebagai sebuah universiti global, Beta mengucapkan tahniah, kerana pada tahun ini UTB telah berjaya meraih kedudukan ke-350 di QS World University Ranking. Pada julung kalinya juga, UTB telah masuk ke dalam senarai 50 Young Global University dibawah umur 50 tahun, pada tangga ke-40.

Dalam usaha UTB mempersiapkan sumber manusia, Beta ingin mengingatkan, supaya etika Islam yang selari dengan budaya bangsa sentiasa diutamakan. Ini penting, supaya jati diri tidak dapat digugat oleh sebarang pengaruh asing.

Akhirnya, Beta merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga Universiti Teknologi Brunei, yang merangkumi Ahli-Ahli Majlis dan Senat, Naib Canselor, Pegawai-Pegawai Utama, Ahli Akademik, pegawai dan kakitangan atas segala sumbangan dan perkhidmatan mereka. Beta berdo'a semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan memberkati segala usaha kita dan mengurniakan ganjaran yang berlipat ganda.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.





KUMPULAN TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN
WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI
SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN
YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


**DI MAJLIS KONVOKESYEN KALI KESEMBILAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI (UTB)**

**PADA HARI SABTU
10 REJAB 1443H
12 FEBRUARI 2022M**

**BERTEMPAT
DI PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

2021







**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem**

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiie Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat pula hadir ke Majlis Konvokesyen Kali Ke-9 Universiti Teknologi Brunei pada hari ini.

Dikesempatan ini, Beta terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing. Semoga kejayaan ini akan menjadi pemangkin kepada kecemerlangan di masa akan datang. Ucapan tahniah juga Beta tujukan kepada para ibu bapa dan penjaga serta tenaga pengajar yang secara konsisten mendorong para graduan sehingga beroleh kejayaan.

Beta amat gembira dengan kejayaan UTB meraih kecemerlangan dalam penarafan Bintang 5-Plus oleh QS Star Rating. Pencapaian ini adalah bukti ketangkasan UTB melonjakkan UTB kepada piawaian global.

Perkara lain yang juga menggembirakan ialah kejayaan UTB dalam meraih kedudukan ke-344 di QS World University Rankings, Ke-126 di QS Asia University Ranking dan tempat ke-40 di Asia bagi universiti di bawah umur 50 tahun.

Beta juga mengambil maklum bahawa sejak 2018, UTB telah naik 98 anak tangga dan meningkat tiga kali serta tidak menunjukkan prestasi negatif. Kejayaan ini telah meletakkan UTB di hadapan beberapa buah universiti berprestij.

Manakala, laporan QS Subject Ranking juga telah mendedahkan pada julung kalinya bahawa program Kejuruteraan Petroleum UTB telah mencapai tangga 150 teratas dan program Kejuruteraan Awam dan Struktur, meraih 5 bintang. Beta ucapkan syabas di atas kejayaan ini.





Pada tahun 2019, Beta pernah bertitah untuk mengemaskini program-program yang ditawarkan supaya relevan dengan keperluan semasa.

Dalam hubungan ini, Beta dimaklumkan bahawa UTB kini telah menawarkan beberapa program baru yang telah dikaji mengikut keperluan dan trend semasa. Program-program tersebut antara lain adalah dihasratkan untuk mendukung keperluan dan perkembangan negara.

Beta difahamkan bahawa Majlis Konvokesyen pada kali ini akan menyaksikan penganugerahan sulung bagi Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Architecture, Data Analytics, Matematik Gunaan dan Ekonomi serta Sains Makanan dan Teknologi.

Manakala program-program Ijazah Sarjana Muda Sains dan Teknologi kecuali Kejuruteraan telah dipendekkan kepada 3 tahun. Sehubungan itu, Beta menasihatkan supaya kesempatan ini dapat digunakan untuk menyemak sumber keperluan tenaga pekerja secara menyeluruh menurut keperluan kepakaran.

Beta juga menyambut baik mengenai kerjasama berterusan UTB dengan pihak industri, termasuk kerjasama UTB dengan Brunei Shell Petroleum dan Shell Deepwater Borneo untuk menubuhkan Artificial Intelligence Lab di UTB, yang merupakan "Gift to the Nation". Manakala kerjasama dengan Makmal Akademi ICT Huawei adalah melalui pensijilan nilai tambah kepada pasaran pekerjaan global dalam bidang ICT.

Selain itu, UTB dan AITI juga akan menubuhkan makmal 5G bagi 5G Use Cases Showcases dalam kampus. Program artikulasi di antara UTB dan Micronet International College dalam Ijazah Sains Pengkomputeran akan melahirkan lebih ramai graduan dalam bidang Multimedia dan Network Security. Beta gembira dengan langkah dan inisiatif-inisiatif UTB dalam mendukung hasrat negara ke arah Smart Nation yang dipacu oleh lanskap Teknologi Digital dalam Kerajaan, Ekonomi dan Masyarakat.

Melalui usaha-usaha ini, Beta berharap UTB akan dapat mempertingkatkan lagi penyelidikannya dengan menumpukan bidang-bidang pengkhususan seperti Sains dan Teknologi Makanan, Nanoteknologi, Teknologi Industri Hiliran, Sains Bahan dan Artificial





Intelligence. Ini akan dapat menyumbang kepada penghasilan penerbitan, patent dan juga pengkomersialan yang akan dapat menjana pertumbuhan ekonomi negara kita.

Akhirnya, Beta sekali lagi mengucapkan tahniah kepada para graduan yang diraikan. Beta berharap agar semua graduan dapat memberi sumbangan yang positif kepada ekonomi negara sebagai tenaga kerja yang memiliki growth mindset dan lebih bersedia dalam menghadapi cabaran dan merebut peluang daripada perkembangan teknologi dan perubahan global yang pesat.

Beta turut merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga UTB, yang merangkumi Ahli-Ahli Majlis dan Senat, Naib Canselor, Pegawai-Pegawai Utama, Ahli Akademik, pegawai dan kakitangan atas segala sumbangan dan perkhidmatan mereka. Beta berdo'a semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan memberkati segala usaha kita dan mengurniakan ganjaran yang berlipat ganda.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.







KUMPULAN TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN
WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI
SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN
YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


**DI MAJLIS KONVOKESYEN KALI KESEPULUH
UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI (UTB)**

**PADA HARI ISNIN
08 SAFAR 1444H
05 SEPTEMBER 2022M**

**BERTEMPAT
DI PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

2022







**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem**

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur kehadhrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat hadir ke Majlis Konvokesyen kali ke-10 Universiti Teknologi Brunei (UTB) pada hari ini.

Dikesempatan ini, Beta terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing. Semoga kejayaan ini akan jadi pemangkin kepada kecemerlangan di masa akan datang. Ucapan tahniah juga Beta tujukan kepada para ibu bapa dan penjaga serta tenaga pengajar yang secara konsisten mendorong para graduan sehingga beroleh kejayaan.

Beta juga merakamkan ucapan syabas di atas kejayaan UTB meraih kedudukan 340 di QS World University Rankings, kedudukan 85 di Asia dan 16 di Asia Tenggara. Manakala di antara universiti-universiti Kejuruteraan dan Teknologi di Asia Tenggara, UTB berada di tangga ke lima (5). Kejayaan ini menjadi bukti bahawa UTB mampu bersaing di rantau walaupun masih muda dalam arena antarabangsa.

UTB dilihat masih ada peluang untuk memperbaiki kedudukannya dengan menyusun semula strategi bagi menaikkan reputasi akademiknya, terutama dalam bidang penyelidikan. Sehubungan itu, Beta difahamkan bahawa UTB sedang giat memperkenalkan projek-projek penyelidikan terkini yang sejajar dengan kepentingan negara.

Beta gembira, UTB telah pun memulakan projek penyelidikannya bersama Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, dalam Penanaman Padi Menegak atau Vertical Rice Farming yang berintegrasikan teknologi Internet of Things yang inovatif. Selain itu, pada tahun 2021 penerbitan kertas-kertas penyelidikan dari staf akademik UTB telah meningkat dan terus menampakkan perkembangan positif pada tahun 2022. Beta berharap perkembangan positif ini akan terus dikekalkan.





Menyentuh mengenai pandemik Corona Virus, Beta telah mendapati kesan positif pandemik terhadap transformasi digital di institusi-institusi pengajian tinggi kita, yang menyaksikan pembelajaran dan pengajaran telah dijalankan dalam talian secara sepenuhnya. Lalu berikutnya, Kerajaan Beta pun menyediakan infrastruktur internet jalur lebar yang pantas, untuk tujuan tersebut.

Beta difahamkan bahawa pada masa ini, pembelajaran dan pengajaran di UTB diteruskan dalam pelbagai kaedah, termasuk secara bersemuka, di dalam talian dan secara hybrid. Pengalaman ini boleh dijadikan sandaran untuk sentiasa adaptable dan resilient dalam menempuh cabaran serupa, di mana konsep Pandemic Proof University of the Future harus dipertimbangkan.

Beta juga difahamkan bahawa UTB akan menawarkan Postgraduate Micro-credentials pada tahun akademik 2022-2023 ini, yang akan disasarkan kepada para profesional yang bekerja dan graduan-graduan baru. Program-program ini disifatkan sebagai Personalised Learners' Journey, di mana para pelajar setelah tamat, akan berpeluang menerima Sijil, Diploma atau Ijazah Sarjana dalam tempoh masa yang fleksibel. Beta amat gembira dengan perkembangan ini.

Akhirnya, Beta merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga Universiti Teknologi Brunei, yang merangkumi Ahli-Ahli Majlis dan Senat, Naib Canselor, Pegawai-Pegawai Utama, Ahli Akademik, pegawai dan kakitangan di atas segala sumbangan dan khidmat mereka. Beta berdo'a semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan memberkati segala usaha kita dan mengurniakan ganjaran yang berlipat ganda.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatulahi Wabarakatuh.





Diterbitkan oleh Perpustakaan UTB
Keluaran 2023